

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA  
(BIDANGKUASA RAYUAN)  
RAYUAN JENAYAH NO:J-05-108-2005**

**ANTARA**

**PUBLIC PROSECUTOR**

**... APPELANT**

**DAN**

**LIM KIM TONG**

**... RESPONDENT**

(In The Matter of Criminal Trial No. 45-1 of 2001 High Court of Malaya at  
Johor Bharu)

**ANTARA**

**PENDAKWA RAYA**

**... PERAYU**

**DAN**

**LIM KIM TONG**

**... RESPONDEN**

**KORAM:**

**TENGGU BAHARUDIN SHAH TENGGU MAHMUD, HMR**

**WAN ADNAN MUHAMAD, HMR**

**SULONG MATJERAIE, HMR**

## PENGHAKIMAN MAHKAMAH

Responden (tertuduh) telah dituduh atas dua pertuduhan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB). Kedua-dua pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:-

(1) *“Bahawa kamu pada 17 November 1999 jam lebih kurang 10.30 malam, di hadapan rumah No. 4, Jalan Panglin 6, Taman Perling, dalam daerah Johor Bharu, dalam Negeri Johor Darul Ta’zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 30.5 gram Monoacetylmorphines dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama”.*

(2) *“Bahawa kamu pada 17 November, 1999 jam lebih kurang 10.30 malam, di dalam rumah No. 4, Jalan Panglin 6, Taman Perling, dalam daerah Johor Bharu, dalam Negeri Johor Darul Ta’zim, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 38.3 gram Monoacetylmorphines dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama”.*

Setelah pihak pendakwaan menutup kes mereka, Pesuruhjaya Kehakiman (ketika itu) (hakim bicara) yang mendengar kes mendapati pihak pendakwaan gagal menegakkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh atas kedua-dua pertuduhan tersebut (pertuduhan asal) tetapi mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes milikan di bawah peruntukan seksyen 12(2) ADB. Kemudian beliau telah meminda kedua-dua pertuduhan asal dengan pertuduhan pindaan di bawah seksyen 12(2) tersebut dan hukumannya seperti di peruntukkan oleh seksyen 39A(2) ADB.

Tertuduh telah mengaku salah atas kedua-dua pertuduhan pindaan. Setelah tertuduh didapati salah dan disabitkan kesalahan, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman 13 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkapan berserta dengan 10 sebatan bagi setiap pertuduhan. Walau bagaimanapun hakim bicara membuat perintah hukuman penjara berkenaan berjalan serentak bagi kedua-dua kesalahan.

Pendakwa Raya (perayu) tidak berpuashati dengan keputusan hakim bicara tersebut dan memfailkan rayuan atas keseluruhan keputusannya ke Mahkamah ini.

Selepas perbicaraan rayuan perayu pada 3.7.2008, Mahkamah ini telah dengan sebulat suara membuat keputusan seperti berikut.

- a. Rayuan dibenarkan terhadap Pertuduhan Pertama:
  - i. Perintah Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan pertuduhan pertama diketepikan.
  - ii. Perkara ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi supaya responden (tertuduh) dipanggil untuk membela diri.
  
- b. Rayuan ditolak terhadap Pertuduhan Kedua:-
  - i. Perintah Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan pertuduhan kedua terhadap sabitan dan hukuman dikekalkan.

Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan kami yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bersabit sabitan dan hukuman atas pertuduhan pindaan kedua. Alasan kami hanya mengenai penolakkan rayuan perayu bersabit pertuduhan kedua.

Ringkasan fakta kes ini ialah seperti berikut. Pada 17.11.1999 kira-kira jam 9 malam C/Inspektor Char Ai Bee (SP3) bersama tiga anggota polis lain pergi membuat

pemerhatian di sekitar rumah No. 4, Jalan Panglin 6, Taman Perling, Johor Bahru ekoran suatu maklumat mengenai pengedaran dadah.

Pada jam lebih kurang 10.30 malam tertuduh tiba di-depan rumah tersebut dengan kereta Proton Wira nombor JFM 3721. Tertuduh turun kereta tersebut dengan memegang satu beg plastik (P6A) yang mengandungi dua bungkusan (P6A (2) dan P6A (5)) yang disyaki berisi dadah dengan tangan kiri. Selepas tertuduh menguncikan kereta dan hendak membuka pintu pagar (gate) rumah No. 4 tersebut SP3 dan anggotanya menangkap tertuduh yang sedang memegang beg plastik tersebut.

Kemudian SP3 berserta anggotanya dan tertuduh masuk ke rumah No. 4 tersebut dengan kunci yang diperolehi daripada tertuduh. SP3 dan anggotanya membuat pemeriksaan dalam rumah tersebut. Akhirnya SP3 menjumpai satu kotak (P8A) tertutup yang kemudian didapati mengandungi dua bungkusan plastik (P8A (2) dan P8A (5)) yang berisi dadah. Kotak tersebut berada di atas lantai di tepi dinding dalam bilik no. 2 yang terbuka pintunya. Dalam bilik tersebut juga dijumpai alat penimbang (P13A) dan alat pelekat (sealer) (P13B). P13A dan P13B berada berdekatan P8A.

Keterangan ahli kimia memperakui jenis dadah sebagai monoacetylmorphines dan beratnya 30.5 gram dalam bungkusan P6A (2) dan P6A (5) bagi pertuduhan pertama dan 38.3 gram dalam kotak (P8A) bagi pertuduhan kedua.

Hakim bicara membuat pindaan seperti berikut:-

*“Bahawa kamu pada 17 November 1999, jam lebih kurang 10.30 malam, di dalam rumah No. 4, Jalan Penglin 6, Taman Perling, dalam daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Ta’zim, telah memiliki dadah berbahaya, iaitu **38.3 gram monoacetylmorphines**, yang mana kamu tidak diberi kuasa yang sah menurut undang-undang untuk memiliki dadah tersebut dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s.39A(2) Akta yang sama”.*

Kami berpendapat keputusan Mahkamah Tinggi mengenai pertuduhan kedua tersebut adalah tepat dan betul.

Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam hujahnya menyatakan hakim bicara sepatutnya membuat inferen bahawa P8A yang mengandungi dadah adalah dalam milikan

tertuduh. Beliau membuat saranan bahawa hakim bicara seharusnya memanggil tertuduh untuk membuat penjelasan.

Di antara alasan rayuan perayu ialah hakim bicara khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan pemakaian peruntukan seksyen 37(g) dan seksyen 37(d)ADB menjerumuskan kepada kepelbagaian andaian atau anggapan seperti diputuskan dalam kes **Muhammed Hassan v PP[1998] 1 AMR 829**. Atas keyakinan tersebut hakim bicara tidak mengguna pakai peruntukan seksyen 37(da)(iii)ADB untuk anggapan pendengaran dadah jenis monoacetylmorphines yang beratnya melebihi 15 gram.

Selanjutnya hakim bicara berkenaan juga dikatakan khilaf apabila gagal mengguna pakai tafsiran perkataan mengedar di bawah peruntukan seksyen 2 ADB dan juga prinsip kes **Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64** sesudah menerima pakai andaian di bawah peruntukan seksyen 37(d). Beliau didakwa gagal mengambilkira kewujudan alat pelekat dan alat penimbang berdekatan dengan kotak berisi dadah dalam bilik No. 2 tersebut dan juga dadah yang ditemui dalam P8A adalah sejenis dengan dadah yang didapati dalam bungkusan P6A (2) dan P6A (5) bersangkutan pertuduhan pertama. Ia dikatakan inferen perbuatan pengedaran dadah.

Hakim bicara juga dikatakan silap apabila berpendapat peruntukan seksyen 37(g) tidak boleh diterima pakai memandangkan dadah dalam P8A tidak tersembunyi. Dalam hujah bertulisnya TPR menarik perhatian mahkamah ini kepada alasan hakim bicara di halaman 93 rekod rayuan (dalam bahasa asal) seperti berikut:-

*“In the context of the present case, as I have said earlier, the drugs could not be said to have been concealed within the meaning of s.37 (g) and in consequence the presumption of knowledge cannot be invoked, On the facts of this case there is no direct evidence or threads of circumstantial evidence of knowledge on the part of the accused of the nature of the drugs inside the paper box found in the room. Without knowledge there cannot be possession. For this reason, possession had not been proved by the prosecution and it follows that the accused cannot be said to conceal the drugs within the meaning of “trafficking” in the Act...On the totality of the evidence I found that the accused had in his custody and under his control the paper box containing the drugs in question. Consequently, the prosecution had successfully established with the aid of the statutory presumption under s.37(d), a prima facie case for the offence under section 12(2) of the Act for being in possession of the drugs...”*

Daripada alasannya jelas bahawa hakim bicara mendapati pendakwaan gagal untuk membuktikan P8A yang mengandungi dadah dijumpai dalam bilik No. 2 berada dalam milikan tertuduh. Beliau mendapati P8A yang berisi dadah dijumpai dalam bilik yang pintunya terbuka dan tidak berkunci. Pada pandangan beliau seksyen 37(g) tidak berbangkit memandangkan kotak (P8A) yang berisi dadah tidak tersembunyi yakni kewujudan P8A tidak terhalang daripada penglihatan sesiapa. Seksyen 37(g) berbunyi seperti berikut:-

*“(g) jika mana-mana dadah berbahaya dijumpai tersembunyi dalam mana-mana premis, maka hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggap bahawa dadah tersebut disembunyikan dengan pengetahuan penghuni premis itu;”*

Beliau menggunakan peruntukan seksyen 37(d) untuk membuktikan milikan seperti dimaksudkan oleh ADB. Oleh kerana beliau mengguna pakai peruntukan seksyen 37(d) maka beliau dihalang untuk mengguna pakai mana-mana anggapan di bawah mana-mana peruntukan kecil seksyen 37 ADB. Anggapan di bawah mana-mana peruntukan seksyen 37 tidak boleh diganda pakai kerana prinsip gandaan anggapan (double presumption) dilarang penggunaannya bernaskan keputusan **kes Muhammed bin Hassan v. PP [Supra]**.

Prinsip ini diikuti oleh kes-kes terkemudian antaranya seperti **Shafie Bin Ghani v. PP [2007] 1 MLJ 17.**

Penghujahan pihak perayu selanjutnya ialah mengenai kegagalan hakim bicara mempertimbangkan peruntukan seksyen 2 ADB yang menyenaraikan perbuatan-perbuatan yang disifatkan sebagai suatu pengedaran dadah.

Adalah suatu keadaan yang tidak dapat dipertikaikan tertuduh adalah penyewa rumah no.4 tersebut. P8A dijumpai dari salah sebuah bilik rumah tersebut. P8A tidak tersorok atau disembunyikan. Ia terletak di atas lantai di tepi dinding. Ketika tertuduh ditangkap P8A tidak berada di depan tertuduh atau sekitarnya. SP3 ketika disoal balas (ms 38 RR) mengakui tertuduh ada memberitahu beliau yang tertuduh tinggal di rumah tersebut dengan seorang bernama Ah Tee dan mengesahkan tertuduh ada menyatakan P8A dan isi kandungannya bukan kepunyaanya.

Kami bersetuju dengan pendapat hakim bicara bahawa dadah yang dijumpai dalam pertuduhan kedua tidak boleh dikategorikan sebagai suatu dalam milikan (possession) tertuduh seperti dalam kes yang disandarkan oleh perayu iaitu **Chan Pean Leon v. PP [1956] 22 MLJ 237.**

Berlandaskan fakta di atas hakim bicara mendapati bahawa pendakwaan gagal untuk membuktikan pengetahuan mengenai P8A dan kandungannya. Ia bukan seperti keadaan dalam pertuduhan pertama di mana dadah dijumpai berada dalam jagaan dan kawalan tertuduh secara pisikal oleh itu tertuduh seharusnya mengetahui apa yang berada dalam pegangannya. Dalam kes rayuan ini hakim bicara berdasarkan fakta kes terpaksa bergantung kepada peruntukan seksyen 37(d) ADB untuk beranggapan tertuduh mengetahui apa yang berada dalam bungkusan dalam P8A. Lebih-lebih lagi wujudnya personaliti bernama Ah Tee. SP3 langsung tidak ambil kisah samada Ah Tee merupakan orang yang turut mendiami rumah berkenaan bersama tertuduh atau seorang rekaan (fictitious). Pegawai Penyiasat (SP7) juga tidak membuat penyiasatan mengenai dakwaan tertuduh. Adalah suatu prinsip mantap menafaat harus memihak kepada tertuduh dalam situasi sebegini.

Hakim bicara tidak silap apabila mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan P8A yang mengandungi dadah berada dalam milikan tertuduh secara eksklusif. Pendapat beliau menepati prinsip undang-undang kerana milikan yang dimaksudkan hendaklah mempunyai elemen kawalan secara pisikal dan pengetahuan mengenai apa yang berada di bawah kawalannya; **Lim Hock Boon v. PP [2007] 1 MLJ 46**. Dalam kes tersebut di halaman 50 Gopal Sri

Ram HMR memetik kata-kata Lim Beng Choon HMT seperti berikut (dalam bahasa asal):-

*“Then in Saad bin Ibrahim v. PP [1968] 1 MLJ 158 Yong J was quite emphatic as to the requirement of the element of knowledge on the part of the possessor before he could be criminally incriminated with possession of a prohibited article. This his lordship said at p.159:*

*“In my opinion mere possession is one thing and possession with mens rea is another. Possession which incriminates must have certain characteristics. The possessor must be aware of his possession, must know the nature of the thing possessed and must have the power of disposal over it”.*

Sehubungan dengan itu pada penelitian kami hakim bicara tidak khilaf dari segi fakta mahu pun prinsip apabila mendapati hal keadaan di mana P8A dijumpai tidak boleh mengaitkan tertuduh memiliki P8A kerana kedudukan P8A yang tidak tersorok. Berikut adalah alasan beliau (dalam bahasa asal) di halaman 89 RR:-

*“In the case before me it is important to bear in mind that the drugs were found inside the paper box. The important point to note here is that the drugs were found not secreted in the room. The paper box in question was left somewhere on the*

*floor beside the wall of the room. The paper box was placed openly in the said room. The paper box can be seen by PW4 when he entered the section of the house. The room was not locked at the material time. In the surrounding circumstances and on the facts of this case, I am convinced that the drugs could not be said to have been concealed in the premises within the meaning of s. 37(g) of the Act.*

*Thirdly, the evidence adduced by the prosecution was confined to the discovery of the drugs in the paper box. Apart from the fact that the accused was the occupier of the house, the prosecution did not seek to introduce other evidence beyond that. As a consequence, in my view the provisions of s.2 of the Act do not have application to the particular facts of this case”.*

Selanjutnya beliau memaparkan saranan Gopal Sri Ram, HMR dalam kes **Arumugam Periasamy v. PP [2005] 3 CLJ 685 di m.s. 695.**

*“In the context of the present case, as I have said earlier, the drugs could not be said to have been concealed within the meaning of s.37(g) and in consequence the presumption of knowledge cannot be invoked. On the facts of this case there is no direct evidence or threads of circumstantial evidence of knowledge on the part of the accused of the nature of the drugs*

*inside the paper box found in the room. Without knowledge there cannot be possession. For this reason, possession had not been proved by the prosecution and it follows the accused cannot be said to conceal the drugs within the meaning of 'trafficking' in the Act*. (di gariskan untuk menarik perhatian).

Pada pendapat kami seksyen 37 mempunyai peruntukan kecil (a) hingga (k) mengenai anggapan berbagai keadaan. Seksyen-seksyen kecil di bawah peruntukan seksyen 37 tersebut adalah tidak terikat antara satu sama lain. Pemakaian suatu seksyen kecil berkenaan merupakan suatu pemakaian anggapan. Setiap peruntukan tersebut berdiri dengan sendiri. Dalam rayuan ini hakim bicara telah menggunakan anggapan di bawah seksyen kecil 37(d). Oleh yang demikian pemakaian anggapan di bawah mana-mana peruntukan seksyen kecil seperti 37 (b) atau 37 (g) terjerumus ke dalam kancang anggapan berganda (**Muhammed Hassan v. PP [Supra]**). Pada hemat kami pendapat hakim bicara adalah betul mengenai pemakaian peruntukan di bawah seksyen 37 ADB.

Sehubungan dengan itu kami perturunkan penjelasan hakim bicara mengenai gandaan anggapan. Katanya (dalam bahasa asal) seperti berikut:-

*"It is appropriate at this juncture to take a closer look at the learned deputy's arguments in relation to the*

*second charge. To my mind there are several problems with these arguments. In the first place, the contention of the learned deputy offended the rule against double presumption laid down in the case of **Muhammed b Hassan v PP [Supra]**. There, the Federal Court held that the learned trial judge erred in law in using the presumption of possession under s. 37(d) of the Act to invoke the presumption of trafficking under s. 37(da) thereof. It is true in the case before me the prosecution relied on the presumption under s. 37(g) to prove that the accused was trafficking in the drugs under s. 37(da). Even though a different presumption contain in s. 37(g) was invoked, the rule against double presumptions would nonetheless, in my view, still apply. That is why in my judgment it is not permissible to invoke the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act upon the presumption of knowledge under s. 37(g). The rule against double presumptions does not allow this”.*

Mengikut fakta kes P8A yang mengandungi dadah bersama alat timbang (P13A) dan alat pelekat (P13 B) dijumpai berdekatan di dalam bilik no.2. Ketika barang-barang kes tersebut dijumpai, tertuduh tidak berada berdekatan. Atas fakta tersebut adalah tidak memadai bagi membuktikan tertuduh bersalah di bawah seksyen 2 ADB iaitu pengedaran dadah. Adalah suatu hakikat pembuktian di bawah seksyen 2 hendaklah melalui keterangan terus dan

bukan secara andaian atau anggapan. Kes **Teh Geok Hock v. PP [1989] 3 MLJ 162** yang dirujuk oleh kes Mahkamah Persekutuan **PP v. Lim Hock Boon [2009] 2 AMR 768**, takrif pendengaran disifatkan luas termasuk menyimpan. Seksyen 2 tersebut berbunyi seperti berikut:-

*“pengedaran dadah” termasuklah melakukan salah satu daripada perbuatan-perbuatan ini, iaitu mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyorok, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkannya, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya atau dengan cara lain di bawah penguatkuasaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini”.*

Kami ingin menarik perhatian kepada perkataan peruntukan seksyen 2 tersebut iaitu “pengedaran dadah” termasuklah ‘*melakukan*’ salah satu daripada perbuatan-perbuatan termasuk antaranya menyimpan, mengedar, membekal dan lain-lain seperti disebut dalam seksyen tersebut.

Seperkara dengan itu kami berpendapat untuk bergantung kepada peruntukan seksyen 2 pendakwaan hendaklah membuktikan melalui keterangan bahawa tertuduh ‘*melakukan*’ salah satu perbuatan-perbuatan berkenaan. Kami

berpandangan perkataan '*melakukan*' adalah suatu perbuatan yang aktif. Ia bukan secara pasif. Untuk mensabitkan tertuduh di bawah seksyen 2 pendakwaan hendaklah membuktikan tertuduh ketika ditangkap berada dalam bilik no.2 berkenaan dan beliau sedang melakukan sesuatu seperti menimbang atau melekatkan peket plastik atau sekurangnya sedang berada di antara barang-barang kes tersebut berdekatan dengan (P8A, P13A, P13B) yang boleh membawa inferen tertuduh sedang dalam proses pengendalian pengedaran dadah. Berdasarkan fakta kes hakim bicara tidak khilaf dengan keputusannya untuk tidak mengaitkan tertuduh dengan pengedaran dadah. Ketika dadah dijumpai dalam bilik no.2 tersebut tiada keterangan dikemukakan mengenai tertuduh sedang melakukan perbuatan-perbuatan yang disenaraikan dalam peruntukan seksyen 2. Justeru kami berpendapat peruntukan seksyen 2 tidak terpakai berdasarkan fakta kes ini.

Mengikut takrif Kamus Dewan Edisi ke Empat penerbitan DBP perkataan laku bererti gaya (cara) membuat sesuatu. Sementara itu mengikut kamus Bahasa Melayu terbitan Crescent News '*melakukan*' ialah menjalankan (tugas); membuatkan (kerja lain-lain); mengerjakan. Daripada takrif tersebut ia membawa erti suatu perbuatan aktif. Ini bermakna tertuduh sedang membuat sesuatu dengan barang-barang kes ketika tertuduh ditangkap. Fakta menunjukkan tertuduh tidak melakukan sesuatu ke atas barang-barang kes yang

dijumpai dalam bilik no. 2. Kewujudan P8A, P13A dan P13B dalam bilik no.2 tidak boleh dianggap sebagai tertuduh melakukan salah satu perbuatan-perbuatan di bawah seksyen 2. Anggapan hanya diperuntukkan di bawah seksyen 37. Pihak Polis hanya membawa tertuduh ke bilik no.2. Dengan itu tertuduh tidak boleh dikatakan melakukan perbuatan-perbuatan sebagai pengedar. Mahkamah Persekutuan dalam kes **PP v. Lim Hock Boon [Supra]** tidak menimbang dan memutuskan apakah ertinya perkataan '*melakukan*' dalam peruntukan seksyen 2 berkenaan.

Mengenai isu pengedaran dadah di bawah peruntukan seksyen 2, hakim bicara tidak banyak memperkatakannya. Beliau hanya mempersoalkan tindak tanduk pihak pendakwaan yang menukar hala daripada berhujah mengenai persoalan anggapan di bawah seksyen 37(da) kepada saranan mengenai pengedaran di bawah peruntukan seksyen 2. Beliau memetik saranan Mahkamah Persekutuan dalam kes **PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 AMR 203** bagi melahirkan rasa tidak puashati beliau dengan tindak tanduk pihak pendakwaan. Walaubagaimana pun beliau berpendapat peruntukan seksyen 2 tidak berbangkit berdasarkan fakta kes ini. Beliau bergantung kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes **Arumugam Periasamy v. PP [2005] 3 CLJ 685**. Hakim bicara juga dalam penghakimannya menyatakan perbuatan-perbuatan pengedaran dadah seperti di takrifkan di bawah seksyen 2

mengkehendaki *'prerequisite element of possession'* melainkan di dalam perbuatan menjual atau membekal dadah. Pihak pendakwaan dikatakan hendaklah terlebih dahulu membuktikan milikan (sila lihat **PP v. Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; PP v. Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560; Teh Geok Hock v. PP [Supra]**).

Berbalik kepada hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara iaitu 13 tahun penjara dan 10 sebatan adalah mengikut prinsip undang-undang yang betul. Kami tidak mahu usik keputusannya kerana sebelum hukuman diberi beliau telah mengambil kira unsur-unsur relevan seperti kepentingan awam dan juga mengambilkira rayuan keringanan oleh pihak tertuduh termasuklah berat dadah dalam milikan tertuduh. Nas-nas seperti **Rex v. Kenneth John Ball [1951] 35 Cr Appeal R 164** dan **PP v. Lao Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256** menjadi panduan beliau.

Bertarikh 2 hb. Jun, 2009

t.t.

**[DATO' WAN ADNAN BIN MUHAMAD]**  
Hakim  
Mahkamah Rayuan Malaysia

**Bagi Pihak Perayu**

Timbalan Pendakwa Raya  
Kamar Peguam Negara  
Aras7, Blok C3,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya.

[Ruj:PRM (RMR) 43/08]

**Bagi Pihak Responden**

Tetuan  
Teh Poh Teik & Company,  
Peguambela Dan Peguamcara  
Suite 11.08, Tingkat 11,  
Menara TJB  
80000 Johor Bahru.

[Ruj:TPT/rq/PN/L177-07/L]

### **Kes-Kes Yang Di Rujuk**

1. Muhammed Hassan v. PP [1998] 1 AMR 829;
2. Ong Ah Chuan v. PP [1981] 1 MLJ 64;
3. Shafie Bin Ghani v. PP [2007] 1 MLJ 17;
4. Chan Pean Leon v. PP [1956] 22 MLJ 237;
5. Lim Hock Boon v. PP [2007] 1 MLJ 46;
6. Arumugam Periasamy v. PP [2005] 3 CLJ 685;
7. Teh Geok Hock v. PP [1989] 3 MLJ 162;
8. PP v. Lim Hock Boon [2009] 2 AMR 768;
9. PP v. Mohd Radzi Bin Abu Bakar [2005] 6 AMR 203;
10. PP v. Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705;
11. PP v. Mansor Bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560;
12. Rex v. Kenneth John Ball [1951] 35 Cr Appeal R 164;
13. PP v. Lao Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256.